

DAP NAMPAK GAYANYA MAHU PAKATAN BERPECAH

Malaysia Today

May 28, 2015

By Super Admin

(Agenda Daily) – Sekilas bayangan masa depan... di sebalik tuduhan bertubi-tubi pada PAS, DAP yang nampak sebenarnya mahu Pakatan berpecah.

Serangan bertubi-tubi setiap hari oleh pemimpin kanan DAP terhadap PAS seperti melakukan provokasi supaya PAS meninggalkan Pakatan dan DAP tidak disalahkan.

Pada Khamis Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng mengakui sikap saling mempercayai dalam Pakatan sudah tidak wujud lagi.

Beliau berkata, sekiranya pakatan pembangkang mahu kekal sebagai sebuah parti yang kukuh, semua pihak perlu bekerjasama dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

“Kalau kita nak satu pakatan yang membina dan mampan, saya rasa kita mesti saling mempercayai semua pihak, dan ini sudah tidak wujud lagi,” katanya ketika ditemui pemberita di Lobi Parlimen.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kemelut yang semakin meruncing melibatkan DAP dan PAS.

Malah, lebih memburukkan keadaan Guan Eng menyifatkan jasad Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang masih bersama Pakatan tetapi hatinya pula bersama UMNO.

Menurut beliau, hakikatnya Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang gagal berunding dengan dua rakan sekutunya dan tidak menunjukkan komitmen terhadap manifesto dalam pakatan pembangkang.

“Itulah saya sebut. Saya harap seseorang kalau tak pegang pada janji tak ikut apa yang telah dijanjikan di depan semua pemimpin, macam mana kita nak bekerjasama, saling hormat dan percaya satu sama lain?,” soalnya.

Guan Eng turut mempertahankan kritikan beliau terhadap Hadi bukan dilakukan untuk kepentingan peribadi tetapi mewakili keseluruhan parti.

“Bukan PAS yang beritahu apa yang saya patut lakukan, hanya pemimpin DAP yang boleh berbuat demikian. Saya akan terus bersuara apabila perlu, kami hanya menyatakan prinsip dan pendirian kami,” katanya.

Malah, Ahli Parlimen Bagan itu dalam nada sinis berkata sekiranya kritikan tersebut memberi kelebihan kepada Hadi pada pemilihan PAS bulan depan, beliau yakin Hadi akan menggalakkannya untuk terus berbuat demikian.

“Jika apa yang saya lakukan memberi manfaat kepada Hadi, jadi saya yakin Hadi harus menggalakkan saya untuk bersuara lagi,” katanya.

Copyright (C) 2004 - 2015 Malaysia Today. All Rights Reserved.

Source: <http://www.malaysia-today.net/dap-nampak-gayanya-mahu-pakatan-berpecah/>